



KENYATAAN MEDIA
JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

**PENJELASAN ISU PAPARAN GAMBAR PEMILIK LESEN MEMANDU
MALAYSIA DIGITAL (E-LMM) YANG BERLAINAN DI APLIKASI
MyJPJ**

Putrajaya, 14 Mac 2024 - Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia mengambil maklum dan memohon maaf berhubung isu paparan gambar pemilik Lesen Memandu Malaysia Digital (e-LMM) yang berlainan dengan maklumat pemilik sebenar.

Jabatan ini ingin menjelaskan bahawa, perkara tersebut berlaku ketika pasukan teknologi maklumat melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan sistem yang dibuat secara berkala bagi memastikan kelestarian sistem MyJPJ.

Jabatan ini ingin memaklumkan bahawa perkara ini telah diambil tindakan pembetulan dan penambahbaikan serta merta.

Jabatan ini juga ingin mengesahkan dan memberi jaminan bahawa tiada sebarang unsur penyalahgunaan sistem mahupun kecurian identiti maklumat pemegang lesen memandu sebaliknya segala maklumat adalah terpelihara dan selamat.

JPJ akan sentiasa menambah baik sistem dari semasa ke semasa bagi memantapkan penyampaian perkhidmatan digital yang terbaik kepada rakyat.

**JABATAN PENGANGKUTAN JALAN
MALAYSIA
14 MAC 2024**

[TAMAT]